

Akademika

Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan

Journal of the Social Sciences and Humanities

Bilangan
Number **63**

ISSN 0126-5008

Julai
July **2003**

Rencana Pengarang/*Editorial*

Gender, Wanita dan Penyertaan / 3
RAHIMAH ABDUL AZIZ

Makalah/*Article*

Chinese Women in Industrial Home-based Sub-contracting / 11
in the Garment Industry in Kuala Lumpur: Neither Valued nor Costed
LEE LEE LOH-LUDHER

Women Monks: An Anomaly or a Misnomer? / 31
MARJA-LEENA HEIKKILÄ-HORN

Malaysian Sikhs and Gender Issues / 45
SARJIT S. GILL

Delving into the Whirlwind: Some Exploratory Notes / 57
on Everyday Life and Gender
CHONG EU CHOONG

Ungendering Gendered Identities? Transgenderism in Malaysia / 69
MICHELLE LEE GUY

Pandangan/*Opinion*

Ampu and *Perempuan*: Speculations on the Status of Malay Women / 87
KHOO KHAY JIN

Ulasan Buku/*Book Review*

Out of the Shadows: Women in Malay Court Narratives / 99
by Ruzy Suliza Hashim

Rencana Pengarang/*Editorial*

Gender, Wanita dan Penyertaan

Secara umum dalam pelbagai masyarakat dunia, cara pembahagian anggotanya yang paling bertahan ialah pembahagian yang dilakukan berdasarkan perbezaan gender/seksual. Perbezaan gender ini memandu seseorang tentang bagaimana melihat dirinya; bagaimana seseorang itu harus berinteraksi dengan orang lain dan apakah peluang yang ada untuknya serta hambatan yang harus ia hadapi sepanjang hidupnya. Berkaitan hal ini wanita dan lelaki disosialisasi untuk melakukan peranan yang telah ditetapkan untuk gendernya (gender specific roles). Bahkan, terdapat perbezaan yang jelas antara kerja yang dilakukan oleh lelaki dan oleh wanita. Hasil perbezaan tersebut wanita dan lelaki membina realiti yang juga berbeza berkaitan peranan, fungsi, tanggungjawab dan penyertaan mereka bukan saja dalam menjalani kehidupan harian, tetapi juga dalam proses pembangunan negara.

Konsepsi mengenai gender adalah bentukan sosial (*socially constructed*) dan dengan itu, boleh berbeza daripada satu budaya kepada satu budaya yang lain. Walau bagaimanapun, semua masyarakat dunia, pada takat tertentu, dicirikan oleh unsur patriaki, dalam erti kata terdapatnya satu bentuk organisasi sosial dalam mana golongan lelaki mendominasi golongan wanita dan tanggapan budaya mengenai kelebihan (*superiority*) golongan lelaki.

Perbezaan gender ini terus-menerus diperturunkan melalui proses sosialisasi. Bahkan, proses sosialisasi atau penghayatan norma dan nilai masyarakat berkaitan jangkaan peranan sering dirujuk sebagai satu pewajaran tentang kenapa terdapatnya perbezaan gender itu. Juga, menerangkan bagaimana bentukan sosial mengenai perbezaan gender ini telah memberi kesan kepada kadar dan peluang penyertaan wanita dalam proses pembangunan negara.

Secara umum terdapat pelbagai pemikiran teoritis (tradisional, fungsional, liberal, Marxist, feminis, *post-structuralist*) yang telah dikemukakan berkaitan bentukan sosial mengenai perbezaan gender ini dan wujudnya ketaksamaan antara lelaki dan wanita dalam masyarakat. Bahkan, perbezaan asas antara gender adalah termaktub dalam struktur kelas, gender dan stratifikasi; dalam institusi famili, pekerjaan, politik dan pendidikan; dan dalam ideologi sokongan (Wearing 1996: 30). Pelbagai pemikiran ini menggambarkan realiti pengalaman yang dilalui oleh wanita dalam pelbagai masyarakat dunia.

Isu fokus Akademika ini memberikan beberapa gambaran mengenai penyertaan wanita dalam bidang ekonomi dan sosial, yang masih penuh dengan perbezaan gender. Kumpulan makalah ini juga menerihalkan masalah yang wanita terpaksa hadapi dan tangani dalam proses penyertaan itu. Sungguhpun kumpulan artikel ini membincangkan perihal gender, wanita dan penyertaan dari sudut yang berbeza, namun perkara yang menyatukan dan yang mengikat kesemua

artikel ini ialah kuasa dan hirarki sebagaimana ia dialami secara berbeza oleh wanita dan lelaki dalam sesebuah masyarakat. Perbezaan pengalaman ini adalah disebabkan oleh tanggapan budaya (cultural notion) tentang perbezaan gender itu.

Dalam masyarakat kita ciri-ciri stereotaip yang dikaitkan dengan lelaki adalah dianggap lebih penting berbanding dengan ciri-ciri stereotaip yang dikaitkan dengan wanita. Hal ini jelas ditunjukkan dalam artikel oleh Lee Lee Loh-Ludher. Melalui makalahnya bertajuk *Chinese Women in Industrial Home-Based Sub-Contracting in the Garment Industry in Kuala Lumpur: Neither Valued nor Costed*, beliau membincangkan keadaan yang menyebabkan 55 orang wanita Cina yang telah berumah tangga meninggalkan sektor formal dan memasuki sektor tak formal, khususnya untuk melakukan kerja di rumah secara sub-kontrak sambil menjaga keluarga mereka. Pekerja sub-kontrak di rumah ini merupakan tenaga kerja simpanan yang mudah untuk disingkir, luwes dan murah. Sungguhpun pekerja sub-kontrak ini memanfaatkan industri pakaian dari segi membantu memastikan keupayaan daya saing dan keluwesan industri itu, namun industri tersebut tidak menghargai atau memberi nilai sewajarnya kepada sumbangan mereka itu. Begitu juga suami wanita/pekerja itu tidak menghargai sumbangan mereka kepada kesejahteraan keseluruhan keluarga mereka itu.

Sementara itu makalah *Woman Monks: An Anomaly or a Misnomer?* oleh Marja-Leena Heikkilä-Horn memaparkan bahawa terdapat kira-kira 300,000 orang bikku di Thailand, dan kira-kira 10,000 orang wanita yang dipanggil *mae chi* yang memakai busana keagamaan warna putih. Walau bagaimanapun, golongan tertinggi pentadbiran agama Buddha Thailand tidak mengiktiraf bikku perempuan. Bahkan, golongan tersebut melarang sebarang pentahbisan dilakukan oleh mana-mana bikku. Kedudukan *mae chi* dari segi status sosial dan kerohanian adalah dianggap sangat rendah dan mereka biasanya dianggap sebagai golongan tunabiarawan, bukan golongan biarawan. Penulis juga menekankan bagaimana sukarnya laluan untuk seorang wanita ditahbiskan sebagai seorang bikku. Hal ini kerana secara umumnya wanita dianggap mempunyai status *spiritual* yang rendah. Penulis seterusnya menghuraikan bahawa dalam masyarakat yang menganut Theravada Buddhist golongan wanitanya boleh mendapat *merit* hanya melalui golongan lelaki. Dalam pada itu, cara yang paling lazim untuk golongan wanita mendapatkan *merit* ialah dengan mensedekahkan makanan kepada bikku lelaki. Kegiatan ini, walaupun penting, dipandang rendah.

Sarjit S. Gill pula menulis tentang *Malaysian Sikhs and Gender Issues*. Menurut beliau sungguhpun agama Sikh memberi penekanan kepada kesamaan gender antara lelaki dan wanita dalam setiap aspek kehidupan sosial, namun kajian beliau di Malaysia menunjukkan bahawa secara praktisnya kedudukan golongan wanita Sikh masih rendah berbanding kaum lelaki. Hakikatnya, ajaran agama Sikh mengenai kesamaan gender tidak diamalkan secara menyeluruh. Ketidaksamaan gender ini dikatakan mungkin berlaku kerana pengaruh majoriti

golongan lelaki Sikh yang lebih tinggi serta mereka merupakan komuniti minoriti dalam konteks masyarakat Malaysia yang lebih besar. Oleh sebab itu, kaum lelaki Sikh tidak sanggup untuk melepaskan peranan dominan mereka menyebabkan kaum wanitanya terus menerus mengalami kesan prejedis itu.

Melalui artikelnya *Delving into the Whirlwind: Some Exploratory Notes on Everyday Life and Gender*, Chong Eu Choong menghujahkan bahawa adalah perlu menjadikan kehidupan sehari-hari sebagai satu masalah teoritis yang dikaji oleh bidang sains sosial amnya, dan sosiologi khususnya. Namun demikian, kualiti fenomena ini yang begitu kompleks tidak dapat dikaji oleh peralatan teoritis konvensional sosiologi. Di samping itu, penyelidik-penyalidik feminis telah mengingatkan bahawa kehidupan sehari-hari sebenarnya dialami hasil daripada perbezaan gender dan hal ini telah merumitkan lagi masalah ini. Oleh itu, penulis berpendapat kaedah-kaedah baru perlu dicari untuk menyiasat kehidupan sehari-hari dan subjektiviti gender dalam mengalami kehidupan sehari-hari dalam konteks masyarakat Malaysia.

Sementara itu, Michelle Lee Guy melalui penulisannya mengenai *Ungendering Gendered Identities? Transgenderism in Malaysia* telah berusaha menerokai fenomena transgenderisme di Malaysia dengan mengkaji tentang transgenderis lelaki-kepada-wanita, atau lebih dikenali sebagai mak nyah. Beliau membincangkan tingkat persilangan gender; proses dan perubahan sosial yang wujud semasa berlakunya transformasi tersebut; dan sejauh mana transformasi itu mempengaruhi dan dipengaruhi aspek sosial yang berbeza. Perbincangan itu dilakukan dengan memberi tumpuan kepada agama, keluarga, pendidikan tinggi, dan kumpulan rakan sebaya. Beliau telah juga memaparkan pengalaman hidup para transgenderis untuk menunjukkan persepsi dan pengalaman peribadi dalam pembentukan identiti dan silang gender.

Millennium Summit yang berlangsung pada tahun 2000 di New York, Amerika Syarikat, memperlihatkan sejumlah 147 ketua kerajaan menyatakan komitmen mereka untuk mempertingkatkan kesamaan gender dan perkasaan sebagai cara-cara yang berkesan untuk memerangi kemiskinan, kelaparan dan penyakit dan untuk merangsang pembangunan yang benar-benar mapan. Komitmen ini membayangkan persetujuan antarabangsa bahawa perkasaan wanita dan kesamaan gender adalah sebenarnya berkaitan dengan hak asasi manusia dan keadilan sosial. Di peringkat nasional, pindaan yang dibuat kepada Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan yang melarang diskriminasi berasaskan gender dan pindaan terhadap Akta Pencen yang bertujuan melindungi hak wanita adalah antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia ke arah memenuhi komitmen itu. Walau bagaimanapun, sebagaimana ditunjukkan oleh kumpulan artikel dalam isu fokus ini, masih terdapat bukti adanya pemisahan gender dan berlakunya diskriminasi dalam aspek tertentu domain sosial dan ekonomi hasil daripada adanya anggapan tentang perbezaan gender dan ideologi patriarki. Dengan itu, boleh dikatakan bahawa masih banyak lagi yang perlu dilakukan sebelum wanita benar-benar dapat menikmati kesamaan gender dan sebagaimana yang

diharapkan. Dalam hal ini adalah diharapkan Isu Fokus ini akan dapat memperluaskan lagi pengetahuan dan meningkatkan kepekaan pembaca mengenai pelbagai dimensi isu gender yang terdapat di Malaysia khususnya, dan negara-negara lain.

Rahimah Abdul Aziz
Ketua Editor

Gender, Women and Participation

In many societies of the world, the most enduring division of its members is one that is based on gender or sexual difference, which guides a person on how to look at him or her self and how to interact with others. This gender difference also informs a person on what are the opportunities available and the constraints as well as the problems that need to be addressed all through a person's life. Basically, men and women have been socialized to perform certain gender specific roles. In fact there are clear lines determining 'men's work' and 'women's work'. Consequently, men and women construct different realities concerning their roles, functions, responsibilities and participation in their everyday lives and regarding their contribution to the country's development process.

The conception of gender is socially constructed and as such it can vary from culture to culture. Nevertheless, all world societies are marked by some degree of patriarchy, in that there exist a form of social organization in which the male dominates the female and the cultural notion of male superiority. This gender difference continues to be perpetuated through the socialization process. In fact the process of socialization or the internalization of the norms and values of the society with regard to role expectations have often been advanced as explanation of the gender difference. It also explains how the social construction of gender difference has in some ways affected women's participation in the development process.

In general a wide variety of theoretical explanations (traditional, functional, liberal, Marxist, feminist, and post-structuralist) have been propounded to elucidate the relationship between the social construction of gender difference and the inequality that exists between men and women. This basic gender difference has been enshrined in the structures of class, gender and stratification; in the institutions of the family, work, politics and education and in the supporting ideologies (Wearing 1996: 29-30). These varied explanations reflect the reality of the diversity of experiences that women endure in the various societies of the world.

This focus issue of *Akademika* provides some insights into women's participation in the social and economic domains that are still fraught with gender difference. This collection of articles also highlights the various problems that women have to deal with in their bid to participate in the social and economic processes. Although the collection of articles discusses gender, women and participation from different perspectives, nevertheless the thread that ties together these different articles is 'power' and 'hierarchy' as men and women in society differentially experienced them. These different experiences are the result of cultural notion of the gender difference.

In our society the stereotype characteristics attached to men are regarded as more important compared to the stereotypes attached to women. This is clearly shown in the article written by Lee Lee Loh-Ludher titled *Chinese Women in Industrial Home-Based Sub-Contracting in the Garment Industry in Kuala Lumpur: Neither Valued nor Costed*. This writer examines the circumstances leading to the withdrawal by 55 married Chinese women from participating in the formal sector to enter the informal sector, specifically in home-based sub-contracting work while simultaneously caring for their family. The home-based sub-contractors provide an industrial reserve army that is truly disposable, flexible and cheap. Although home-based sub-contractors offer tremendous advantages to the garment industry to ensure its competitiveness and flexibility, the industry, evidently, does not value them nor are they costed. Even the husbands fail to value these women's contribution to the overall well being of the family.

In the article *Woman Monks: An Anomaly or a Misnomer?*, Marja-Leena Heikkilä-Horn shows that there are some 300,000 Buddhist monks in Thailand – and some 10,000 white-clad Buddhist women, called "mae chis". However, the Thai Buddhist hierarchy does not recognize women monks and has in fact forbidden monks to ordain women. The writer reveals the problems that women encounter in order to be accepted and ordained as a monk. This is because the social and spiritual status of these women has traditionally been regarded as extremely low. The article also stresses that in a Theravada Buddhist society, women traditionally can earn merit through their men folk only. However, the most common way for the women to earn merit is to feed the monks on their alms rounds. This activity – important as it is – has always been ranked quite low.

Sarjit S. Gill writes on *Malaysian Sikhs and Gender Issues*. The writer is of the opinion that although Sikhism advocates gender equality between men and women in all aspects of their social life, his study in Malaysia shows that in practice, Sikh women's status is lower than men. Therefore, the ten Guru's teachings of equality between men and women have never been fully practiced. This gender inequality exists because of the influence of the male majority in the Sikh community, which is a minority in the larger Malaysian context. The Sikh male's unwillingness to give up this dominant role contributes to the perpetuation of the prejudices suffered by their women.

Through his article *Delving into the Whirlwind: Some Exploratory Notes on Everyday Life and Gender*, Chong Eu Choong argues that the social sciences in general and mainstream sociology in particular have long ignored everyday life as a theoretical problem. The writer argues for the need to incorporate everyday life as one of the central component of analysis in sociology. However, the very qualities of everyday life, its pervasiveness, complexity and evanesce, have rendered this area opaque to conventional approaches of sociology. In addition, feminist research has alerted us to the fact that we experience everyday life as gendered subjects that further complicates the matter. Here, the writer seeks to explore ways to render everyday life and the gender subjectivity of everyday life more amendable to investigation, particularly within the Malaysian context.

Meanwhile, Michelle Lee Guy in her discussion about *Ungendering Gendered Identities? Transgenderism in Malaysia*, attempts to explore the phenomenon of transgenderism by looking at male-to-female transgenderists, popularly known as *mak nyah*. The writer looks into the stages of gender crossing; the processes and social changes incurred during the transformation; and the extent such transformations affect and are affected by the various social aspects. For discussion and illustrations the writer focuses on religion, family, tertiary education, peer group, etc. The writer also highlights life stories of transgenderists to show the personal perceptions and experiences of gender-crossing and identity reconstruction.

In the 2000 Millennium Summit held in New York, USA, 147 heads of governments announced their commitment to promote gender equality and women empowerment, which are recognized as effective ways to combat poverty, hunger and disease and to stimulate development that is truly sustainable. This commitment reflects the international consensus that women empowerment and gender equality are basically matters of human rights and social justice. In Malaysia, at the national level, the amendment made to Article 8(2) of the Federal Constitution which disallows discrimination on the basis of gender and the recent amendment made to the Pensions Act to safeguard women's rights are among the steps taken by the Malaysian Government to realize that commitment. However, as shown by the collection of articles in this focus issue, there is still evidence of gender divide and discrimination in some aspects of the social and economic domains as a result of the prevailing notion of gender difference and patriarchal ideology. Thus, while it is clear that women still have some ways to go before they can experience gender equality and equity, it is hoped that this Focus Issue helps to expand our knowledge as well as sensitize the readers about the various dimensions of gender issues present in Malaysia and elsewhere.

RUJUKAN/ REFERENCES

- Garrett, S. 1987. *Gender*. London: Tavistock.
- Wearing, B. 1996. *Gender: The Pain and Pleasure of Difference*. Melbourne: Addison-Wesley Longman.
- Women's Environment & Development Organization (WEDO). *Women's Empowerment, Gender Equity and the Millennium Development Goals*. A WEDO information and action guide. New York: WEDO.

Rahimah Abdul Aziz

Editor-in-Chief

